



Selamat Datang
Ke Laman Portal
Universiti Putra Malaysia

UTAMA | FAKTA & ANGKA | DIREKTORI KAKITANGAN | LOKASI | PETA LAMAN | SOALAN LAZIM | HUBUNGI KAMI

CARI



Isnin, Mac 21, 2016

MENGENAI KAMI | PENYELIDIKAN | AKADEMIK | JARINGAN | ANTARABANGSA | KEHIDUPAN KAMPUS | PERKHIDMATAN

EN | RU | AR

BERITA »

Penyelidik UPM temui pokok gaharu *Aquilaria rostrata* yang dianggap pupus



Oleh: Azman Zakaria

Foto: Noor Azreen Awang

SERDANG, 1 Mac: Spesies pokok hutan *Aquilaria rostrata*, yang selama ini dianggap pupus selepas kali terakhir ditemui kira-kira 100 tahun lalu, berjaya ditemui semula oleh penyelidik Universiti Putra Malaysia (UPM).

Pokok dari genus *Aquilaria* dikenali sebagai pokok karas kebiasaannya dikaitkan dengan gaharu yang bernilai tinggi.

Spesies itu yang juga dipanggil *Karas Gunung* atau *Chandan Gunung* ditemui di kawasan hutan Gunung Tebu, Besut di Terengganu, kira-kira 100 kilometer dari kawasan ia pertama kali ditemui dahulu iaitu di Gunung Tahan, Pahang.

Kumpulan penyelidik UPM yang diketuai Pensyarah, Jabatan Pengurusan Hutan, Fakulti Perhutanan, Profesor Madya Dr. Rozi Mohamed menemui populasi pokok itu semasa melakukan kajian di lapangan dengan bantuan anggota renjer dari Jabatan Perhutanan Negeri Terengganu pada pertengahan tahun lalu.



"Pada awalnya kami menyangkakan ia spesies baharu tetapi setelah membuat perbandingan dengan spesimen berusia 100 tahun di Herbarium Botanic Gardens, Singapura kami mendapati ia adalah *A. rostrata*," katanya dalam temu bual

Penemuan terbaru ini mematakan anggapan dan kebimbangan berkenaan spesies itu sudah pupus.

Selepas lebih 100 tahun daripada penemuan pertamanya, ia disenaraikan dalam International Union for Conservation of Nature (IUCN) Red List dan dianggap sudah pupus.

Dr. Rozi berkata spesies itu ditemui di kawasan pokok-pokok balak yang sudah ditebang, di kawasan yang berketinggian kira-kira 700 meter dari aras laut.

Katanya,dianggarkan 50 pokok telah ditemui dalam populasi tersebut, yang berketinggian antara 2 hingga 5 meter dan berukuran lilin (dbh) antara 3 dan 4 sentimeter. Ketika ditemui, pokok itu sedang berbunga dan berbuah.

Menurutnya, spesies itu pertama kali ditemui pada 1911 di Kem Wray's, Gunung Tahan oleh H.N.Ridley dan dilaporkan pada 1924, namun laporan berkenaan tidak menyatakan saiz pokok tersebut.

"Spesies ini adalah endemik... ia tidak terdapat di tempat lain, hanya di Semenanjung Malaysia sahaja dan terancam kepupusan," kata Dr. Rozi.



Bagaimanapun, beliau berkata, aktiviti pembalakan secara mampan telah membuka laluan dan merintis jalan untuk kumpulan penyelidik UPM boleh sampai ke kawasan habitat spesies tersebut.

"Kami berjaya menemui semula populasi *A.rostrata*... penemuan terbaru ini memberi sinar dan harapan bahawa satu daripada sumber alam semulajadi negara ini tidak mengalami kepupusan," katanya.

Justeru, katanya, kawasan berkenaan perlu dijaga dan spesies ini dipelihara agar dapat tumbuh dan membiak sebagai warisan alam serta mengelakkan daripada dicero bohi oleh pihak yang mahu mendapatkan gaharu.

Menurutnya, penyelidikan dijalankan menggunakan dana Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS), Kementerian Pendidikan Tinggi dan segala maklumat hasil penyelidikan dimasukkan ke dalam pangkalan data DNA yang dibangunkan khas untuk *Aquilaria* di Makmal Bioteknologi Hutan di Fakulti Perhutanan UPM.

Katanya, hasil penemuan itu telah dilaporkan dalam BLUMEA, sebuah jurnal reputasi tinggi dalam taksonomi tumbuhan terbitan Leiden University, Netherland.

Laporan itu boleh dilayari di laman web: http://www.ingentaconnect.com/content/nhn/blumea/pre-prints/content-nbc_blumea_0348

